



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA
MALAYSIA

03-8870 4426

ukk@dof.gov.my

<http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (76)

SIARAN MEDIA

LANDSKAP BAHARU PERDAGANGAN PERIKANAN MALAYSIA– THAILAND: CABARAN EKSPORT SIAKAP DAN PENGUKUHAN INDUSTRI UDANG TEMPATAN

PUTRAJAYA, 18 Jun 2026 – Sektor akuakultur dan subsektor perikanan negara kini memasuki fasa penyesuaian strategik susulan perkembangan semasa perdagangan dua hala antara Malaysia dan Thailand. Dinamika pasaran ini memberi implikasi langsung terhadap rantai bekalan makanan laut negara, khususnya melibatkan komoditi ikan siakap dan udang.

Bagi komoditi ikan siakap, Malaysia sebelum ini mencatatkan prestasi eksport yang memberangsangkan dengan Thailand kekal sebagai destinasi utama eksport negara. Dalam tempoh 2022 hingga 2024, nilai eksport siakap Malaysia ke Thailand meningkat sebanyak 55.7 peratus (CAGR), daripada RM38.21 juta kepada RM92.64 juta, dengan volume eksport meningkat daripada 4,838 tan metrik kepada 9,285 tan metrik.

Pada tahun 2024, Thailand menyumbang sebanyak 80.6 peratus daripada keseluruhan nilai eksport global siakap Malaysia yang berjumlah RM114.99 juta, sekali gus memperlihatkan tahap kebergantungan pasaran yang tinggi terhadap negara tersebut.

Namun demikian, perubahan dasar perdagangan semasa memberi cabaran baharu kepada industri siakap tempatan. Penurunan akses kepada pasaran eksport utama berpotensi meningkatkan tekanan terhadap pasaran domestik melalui lebihan bekalan, yang seterusnya boleh mempengaruhi harga jualan di peringkat ladang serta margin keuntungan pengusaha akuakultur.

Dalam masa yang sama, langkah sekatan import udang dari Thailand dijangka memberi kesan kepada corak penawaran pasaran domestik. Walau bagaimanapun, sebarang kekosongan bekalan susulan perkembangan tersebut dijangka dapat ditampung oleh pengeluaran udang tempatan yang kekal stabil dan berdaya saing.


Kapasiti pengeluaran domestik sedia ada, khususnya melalui subsektor akuakultur, diyakini mampu menampung peningkatan permintaan pasaran secara berperingkat tanpa menjejaskan keterjaminan bekalan makanan negara. Situasi ini secara tidak langsung membuka ruang kepada pengusaha tempatan untuk memperkukuh penguasaan pasaran domestik serta meningkatkan kapasiti pengeluaran secara mampan.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

Perkembangan semasa ini turut mewujudkan peluang strategik untuk memperkukuh industri hiliran melalui pembangunan produk nilai tambah, pengembangan pasaran baharu serta pengurangan kebergantungan terhadap sumber import. Pendekatan ini penting bagi meningkatkan daya tahan industri perikanan negara dalam mendepani ketidaktentuan pasaran global.

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Dato' Adnan bin Hussain, orang ramai tidak perlu bimbang terhadap bekalan udang di pasaran kerana pengeluaran udang tempatan ketika ini adalah mencukupi untuk menampung keperluan domestik.

"Bekalan udang negara berada pada tahap stabil dan mencukupi bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan. Sebarang perubahan dalam corak import tidak akan menjejaskan keterjaminan bekalan makanan kerana industri akuakultur domestik mempunyai kapasiti yang mencukupi untuk menampung kekosongan bekalan secara berperingkat.

Pada masa yang sama, situasi ini membuka peluang kepada pengusaha tempatan untuk terus meningkatkan pengeluaran, memperkukuh rantai bekalan domestik dan mengurangkan kebergantungan terhadap sumber import," katanya.

Jabatan Perikanan Malaysia akan terus memantau perkembangan semasa dan memperkukuh langkah intervensi strategik termasuk penerokaan pasaran alternatif, pengukuhan rantai bekalan domestik serta sokongan berterusan kepada pemain industri bagi memastikan sektor perikanan negara kekal kompetitif, mampan dan berdaya tahan.

Kerjasama erat antara kerajaan, pemain industri dan rakan perdagangan serantau merupakan kunci utama dalam memastikan kestabilan bekalan makanan laut serta kelangsungan pertumbuhan industri akuakultur negara.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



ACB QMS 01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan